

28 MAY 2001

Mahathir-Nanyang

DR MAHATHIR BERKECUALI MENGENAI CADANGAN MCA AMBIL ALIH NANYANG

RAWANG, 28 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak menyokong dan tidak membantah penglibatan MCA dalam cadangan oleh bahagian pelaburan parti itu, Huaren Holdings Sdn Bhd, untuk mengambil alih Nanyang Press.

"Saya tidak memberi sokongan saya dan tidak juga membantah," kata beliau ketika ditanya mengenai cadangan pengambil-alihan itu dan bantahan oleh kakitangan editorial dua akhbar harian China berkenaan -- Nanyang Siang Pau dan China Press -- yang diterbitkan oleh Nanyang Press.

Apabila ditanya sama ada benar bahawa pengambil-alihan Nanyang itu didorong oleh faktor politik, Dr Mahathir berkata: "Tidak, tidak benar sama-sekali."

"Nanyang Siang Pau merupakan sebuah akhbar yang boleh diambil alih oleh sesiapa sahaja. Memanglah semua akhbar di Malaysia mempunyai dorongan politik termasuk Harakah dan Rocket, tetapi tidak ada sesiapa yang ambil kisah.

"Tetapi jika ada sebarang syak sahaja pun tentang penglibatan kerajaan atau parti kerajaan, semua pihak menggembar-gemburkannya, seperti awak. Mengapa tak tanya Harakah," kata Dr Mahathir pada persidangan berita selepas melancarkan kereta api keluaran Monorail Malaysia Technology di kilangnya di sini.

Harakah adalah akhbar rasmi Pas manakala Rocket terbitan rasmi DAP.

Mengenai laporan media semalam bahawa sekurang-kurangnya sembilan eksekutif tertinggi termasuk Ketua Pengarang kedua-dua harian itu, telah dinasihati supaya meletak jawatan sebelum minggu depan, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenainya kerana bukanlah urusan beliau untuk menjaga mereka.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang turut hadir pada persidangan berita itu, berkata Huaren akan meneruskan cadangan pengambil-alihan itu jika ia berdaya maju.

"Jika ia suatu urusan yang baik, mereka akan teruskan," kata Dr Ling, yang juga Presiden MCA.

Mengenai penculikan 20 pelancong dan pekerja dari pulau Palawan di Filipina selatan, Dr Mahathir berkata kerajaan telah mengambil segala langkah untuk mencegah penculikan seperti itu berlaku di wilayah Malaysia.

"Kita telah mengambil segala langkah berjaga-jaga dan kita akan pastikan ia tidak akan berlaku dalam wilayah Malaysia," katanya.

Monorail Malaysia Technology (MMT) terlibat dalam merancang, mereka bentuk, membina, membekal, menguji dan menjalankan sistem monorel Kuala Lumpur.

Projek monorel KL dimulakan pada Januari 1997 tetapi dihentikan buat sementara waktu pada tahun berikutnya ekoran krisis ekonomi ketika itu.

Pembinaan monorel KL sekarang dijadualkan siap pada akhir tahun manakala perkhidmatan monorel dijangka bermula pada Julai 2002.

-- BERNAMA

HS NHA AZZ RYN NMO